& Rehring, 1995). Antara kajian yang mengukur indeks literasi alam sekitar adalah seperti kajian *Environmental Literacy of Ohio Adults* oleh Mancini et al. (1999), *Florida Environmental Literacy Survey* oleh Bogan (1992) dan *Environmental Literacy Instrument* (ELI) oleh Wright (2008) (Jadual 1.1).

Jadual 1.1

Indeks Penilaian Manusia (Literasi) Alam Sekitar

Sumber	Indeks
Mancini et al. (1999)	Environmental Literacy of Ohio Adults
Bogan (1992)	Florida Environmental Literacy Survey
Wright (2008)	Environmental Literacy Instrument (ELI)

Oleh itu, dapat dilihat bahawa aspek penilaian alam sekitar adalah selari dengan dua elemen geografi iaitu dari segi aspek geografi fizikal dan geografi manusia.

Penilaian melalui aspek geografi fizikal alam sekitar di Malaysia dapat dilihat melalui penghasilan Indeks Pencemaran Udara (IPU), Indeks Kualiti Air (IKA), Indeks Kualiti Air Marin (MWQI), Standard Kualiti Air Minuman Kebangsaan serta EPI (Jadual 1.2).

Jadual 1.2

Indeks Penilaian Fizikal Alam Sekitar

Sumber	Indeks
Yale Center for Environmental Law and Policy (2005)	Environmental Sustainability Index (ESI)
Yale Center for Environmental Law and Policy (YCELP) (2006)	Environment Performance Index (EPI)
Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Alam Sekitar dan Air (2022)	Indeks Pencemaran Udara (IPU)
Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Alam Sekitar dan Air (2022)	Indeks Kualiti Air Marin (MWQI)
Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Alam Sekitar dan Air (2022)	Standard Kualiti Air Tanah Kebangsaan
Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Alam Sekitar dan Air (2022)	Indeks Kualiti Air (IKA)



Walau bagaimanapun, dalam konteks geografi manusia di Malaysia, penilaian adalah masih terasing dari segi penghasilan indikator kesedaran alam sekitar iaitu peringkat sebelum wujudnya indeks. Maka dengan itu, kajian berkenaan dengan indeks literasi kelestarian alam sekitar adalah penting dalam membantu negara dalam mencapai masyarakat berminda kelas pertama yang dapat menghayati dan menghargai budaya, kesenian dan warisan serta sejarah negara, bangsa dan agamanya secara tidak langsung memelihara dan memulihara alam sekitar untuk dihayati oleh generasi seterusnya. Ini juga dapat membantu negara mencapai integriti ekologi iaitu berada dalam kedudukan 50 teratas dalam Indeks Prestasi Alam Sekitar dan pengurangan intensiti pelepasan gas rumah hijau sebanyak 45 peratus menjelang 2030 selari dengan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara.



1.3 Pernyataan Masalah

Kemerosotan alam sekitar semakin membimbangkan selari dengan pertumbuhan penduduk dan ekonomi dunia. Pemandaran dan perindustrian melalui pembangunan ekonomi telah membawa kepada peningkatan penggunaan tenaga dan pencemaran alam sekitar. Pencemaran alam sekitar global, termasuk pelepasan gas rumah hijau dan pemendapan asid, serta pencemaran air dan pengurusan sisa dianggap sebagai masalah kesihatan awam antarabangsa. Masalah ini yang perlu dikaji dari pelbagai perspektif termasuk sosial, ekonomi, perundangan dan sistem kejuruteraan persekitaran, juga sebagai tabiat gaya hidup yang membantu dalam mempromosi kesihatan dan penguatkuasaan sistem undang-undang alam sekitar untuk menentang pencemaran (Ahmed, 2022; Kelishadi, 2012).





Kegagalan menguruskan alam sekitar dengan baik mencerminkan bahawa masyarakat masih gagal membentuk cara berfikir yang betul yang seterusnya boleh menyebabkan kekurangan tindakan dan komitmen yang sesuai terhadap aspek pemuliharaan dan pemulihan alam sekitar. Data-data fizikal alam sekitar seperti pencemaran udara dan sungai masih memperlihatkan agenda dunia dan agenda negara ke arah kelestarian masih terdapat kelompangan. Ini boleh diperhatikan dalam persekitaran sedia ada iaitu masyarakat Malaysia masih berminda kelas pertengahan serta masih gagal mengurus dan menggunakan sumber alam sekitar dengan baik. Ini dapat dilihat melalui Laporan Kualiti Alam Sekeliling 2020 oleh Jabatan Alam Sekitar bagi perbandingan kepekatan harian PM2.5 bagi tiga jenis kategori stesen terpilih di kawasan bandar (Klang), pinggir bandar (Kuantan) dan luar bandar (Kapit) menunjukkan tren kepekatan PM2.5 adalah lebih tinggi di kawasan bandar berbanding kawasan pinggir bandar dan luar bandar. Selain itu, laporan ini juga menunjukkan sejumlah 443 batang sungai (66%) daripada 672 batang sungai yang dipantau telah menunjukkan indeks kualiti air bersih, 195 batang sungai (29%) adalah sederhana tercemar dan 34 batang sungai (5%) adalah masih tercemar dan kebanyakan sungai-sungai tersebut berada di negeri Johor (Jabatan Alam Sekitar, 2020).

Isu serius pencemaran ini juga dapat dilihat pada tanggal 7 Mac 2019 yang lalu, negara Malaysia telah digemparkan dengan kejadian pencemaran sisa bahan kimia yang menjejaskan kesihatan lebih 2,000 orang awam dan menyebabkan 111 sekolah di Pasir Gudang diarah ditutup dipercayai susulan pencemaran sungai akibat pembuangan sisa toksik di Sungai Kim Kim (Mohd Farhaan & Remar, 2019). Ini membuktikan data Jabatan Alam Sekitar (2018) adalah benar yang menyatakan bahawa punca utama sungai Malaysia yang telah tercemar adalah akibat daripada pelepasan bahan buangan





yang bersifat organik daripada pelbagai punca seperti air sisa industri, pelepasan air sisa kumbahan manusia dan haiwan serta aktiviti komersil dan domestik yang tidak diolah yang dihasilkan oleh masyarakat setempat. Isu pencemaran air di Selangor sepanjang tahun 2020 dan tahun-tahun sebelum itu yang dilihat tiada kesudahan juga menunjukkan masih terdapat segelintir pihak lebih-lebih pihak yang berkepentingan dalam bidang industri masih melihat isu pembuangan bahan buangan sisa adalah isu yang remeh (Norzamira, 2020). Begitu juga banjir kilat yang berlaku di Selangor, Pahang dan Kedah pada penghujung tahun 2021 dan di awal tahun 2022 juga menunjukkan sedikit sebanyak disebabkan oleh sikap masyarakat itu sendiri seperti pembuangan sampah ke dalam sistem saliran yang menyebabkan pencemaran longkang dan juga sungai.



Selain isu bencana alam, perkara ini juga terkait rapat dengan pemanasan global

seperti permintaan dan penggunaan yang tinggi terhadap penggunaan elektrik. Berdasarkan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, pengeluaran elektrik di Malaysia mencapai 15,605 GWj pada Mei 2023, berbanding 14,191 GWj pada bulan sebelumnya dengan keluaran purata 8,199 GWj dari Jan 1989 hingga Mei 2023. Data itu mencapai paras tertinggi sepanjang masa sebanyak 15,605 GWj pada Mei 2023 dan rekod rendah sebanyak 1,528 GWj pada Feb 1989 (Global Economic Data, Indicators, Charts and Forecasts (CEIC), 2023). Begitu juga pada tahun 2020, data Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menunjukkan peningkatan penggunaan elektrik sehingga 20 hingga 30 ketika negara sedang menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid 19 (Zanariah, 2020). Implikasi daripada penggunaan tenaga ini telah meningkatkan penghasilan gas rumah hijau dan pemanasan global yang menyebabkan ketidakstabilan iklim bumi (National Geographic Society, 2023; Wilson,





2015). Keadaan yang berlaku ini jelas antara sumbangan kepada pemanasan global akibat daripada pengurangan keluasan penggunaan tanah dan pelepasan gas-gas kotor ke udara seperti karbon monoksida (CO) dan karbon dioksida (CO₂). Di Malaysia sahaja, pada tahun 2016 pelepasan gas CO₂ daripada loji janakuasa dan kenderaan bermotor di Malaysia menunjukkan peningkatan masing-masing sebanyak 8.53 metrik tan berbanding pada tahun 2015 sebanyak 8.14 metrik tan (Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), 2017). Ini jelas menunjukkan tahap pencemaran di Malaysia adalah masih serius dan pembangunan negara Malaysia yang lestari masih belum dapat dicapai memandangkan masyarakat masih kurang celik mengenai isu penjimatan tenaga.

Isu penjimatan tenaga elektrik, air dan pemuliharaan alam sekitar turut berkait rapat dengan celik kepada kelestarian alam sekitar atau dikenali sebagai literasi alam sekitar. Dapatan terkini menyatakan tahap literasi alam sekitar dalam kalangan penduduk dunia fokusnya pada golongan belia adalah masih di tahap rendah dan sederhana (Chawla, 2020; Esquer et al., 2022; Piscitelli & D'Uggento, 2022). Dalam Indeks Kemajuan Belia 2021, terdapat satu komponen *Sustainability-Adjusted Index* iaitu indeks yang membandingkan prestasi 40 negara-negara Eropah dari segi alam sekitar. Dapatan indeks ini menunjukkan berlaku kemerosotan markah dalam kalangan negara-negara yang mempunyai kedudukan teratas dalam Indeks Kemajuan Belia yang melibatkan komponen kelestarian alam sekitar (Lisney, 2021). Begitu juga komponen alam sekitar dalam Indeks Belia Malaysia dalam domain nilai dan identiti (belia) menunjukkan masih berada dalam skor sederhana sejak 2015.





Justeru itu, penglibatan masyarakat di setiap peringkat umur adalah penting dalam menghasilkan masyarakat yang berliterasi tinggi dalam memastikan kelestarian alam sekitar. Fokus penghakupayaan belia sebagai pembuat dasar juga dilihat penting sebagai tunjang utama dalam mencapai matlamat ini. Belia memberi peranan penting dalam mencapai SDGs menjelang 2030 memandangkan golongan belia adalah kelompok yang paling tinggi menetap di Asia dan Pasifik dengan melebihi 60 peratus daripada jumlah penduduk dunia (Asian Development Bank, 2019). Di Malaysia, jumlah belia yang berumur 15 hingga 40 tahun juga adalah mencecah 14.9 juta, iaitu 44 peratus bilangan penduduk Malaysia iaitu golongan terbesar selepas warga emas dan kanak-kanak (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Ini secara tidak langsung menunjukkan belia menjadi penyumbang terbesar kepada kelestarian alam sekitar.



perkembangan yang pesat sejak kebelakangan ini. Pendekatan indeks kelestarian melibatkan pengukuran kuantitatif atau kualitatif terhadap dimensi seperti kesedaran, pengetahuan, sikap, dan tingkah laku individu atau masyarakat terhadap isu alam sekitar, manakala tahap literasi alam sekitar pula menumpukan kepada penilaian prestasi individu berdasarkan pengetahuan, kemahiran kritikal, dan pemahaman konseptual. Pembinaan indeks ini melibatkan proses yang kompleks seperti mengenalpastian konsep, pemilihan indikator, pemberat, dan pengagregatan data. Tambahan lagi, indeks persekitaran memainkan peranan penting dalam memberikan gambaran ringkas mengenai keadaan persekitaran berdasarkan pelbagai dimensi dengan menggabungkan beberapa petunjuk menjadi satu kuantiti, membolehkan perbandingan keadaan persekitaran dan tingkah laku manusia merentasi masa dan ruang.





Kajian mengenai indeks kelestarian alam sekitar di peringkat global telah menghasilkan pelbagai alat pengukuran seperti Ecological Footprint (EF), Environmental Vulnerability Index (EVI), Environmental Sustainability Index (ESI), Environmental Quality Index (EQI), dan Environmental Performance Index (EPI). Ecological Footprint (EF), diperkenalkan oleh Mathis Wackernagel dan William Rees pada tahun 1990, mengukur keseimbangan antara permintaan dan penawaran sumber alam serta produktiviti enam kategori seperti tanah ladang dan kawasan hutan. Environmental Vulnerability Index (EVI), yang dibangunkan pada tahun 1999 oleh SOPAC dan UNEP, menilai tahap pendedahan negara terhadap pelbagai isu alam sekitar berdasarkan kesan kepada ekosistem, spesies, dan populasi. Sementara itu, Environmental Sustainability Index (ESI), yang diperkenalkan pada tahun 2000-2005 oleh Yale Center, CIESIN, dan WEF, menilai kemajuan negara ke arah kelestarian melalui 21 indikator, manakala Environmental Quality Index (EQI), yang dibangunkan antara 2001-2005, memfokuskan kepada lima domain utama iaitu udara, air, tanah, pembangunan, dan sosiodemografi. Sejak tahun 2006, Environmental Performance Index (EPI) telah menggantikan ESI dan EQI sebagai penanda aras prestasi alam sekitar global dengan memberi tumpuan kepada 10 isu utama dan 24 indikator yang menilai keberkesanan usaha alam sekitar di peringkat negara.

Indeks-indeks ini mempunyai pelbagai kelebihan, termasuk membantu mensintesis maklumat saintifik yang kompleks ke dalam bentuk yang lebih mudah difahami serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap penjagaan alam sekitar. Namun, terdapat juga kekurangan seperti kecenderungan indeks menjadi terlalu umum, kurang saintifik, dan tidak memberikan gambaran menyeluruh kerana hanya menumpukan kepada aspek tertentu sahaja. Walaupun begitu, indeks kelestarian alam



sekitar tetap menjadi alat penting dalam mempromosikan kesedaran, memantau usaha kelestarian, dan membantu pembuat dasar merangka strategi yang lebih efektif di peringkat global.

Dari perspektif psikometrik, indeks persekitaran sering kali kurang diberi penekanan berbanding aspek seperti pengetahuan, amalan, kemahiran, dan tindakan. Tambahan pula, kajian melibatkan belia dan isu alam sekitar pada masa kini kebanyakannya tertumpu kepada pelajar sekolah menengah atau institusi pengajian tinggi. Pendekatan pembangunan indeks yang diperkenalkan oleh Lazarsfeld (1958), Foa dan Tanner (2012); Seker dan Eryarsoy (2015) menunjukkan fleksibiliti yang boleh disesuaikan dalam pelbagai bidang seperti pembangunan sosial, reputasi digital, dan kelestarian alam sekitar. Dalam konteks Malaysia, beberapa indeks khusus seperti Indeks Belia Malaysia (IBM), Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKK), dan Indeks Budaya Sukan Malaysia (IBSM) telah digunakan sebagai alat untuk memantau kesejahteraan dan keberkesanan dasar kebangsaan. Setiap indeks ini dibangunkan berdasarkan indikator tertentu, pemberat, dan skala pengukuran yang membantu merumuskan trend atau prestasi berdasarkan kumpulan sasaran.

Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk membangunkan satu alat ukur yang seragam bagi mengukur tahap kesedaran kelestarian alam sekitar belia Malaysia, yang dikenali sebagai Indeks Literasi Kelestarian Alam Sekitar. Indeks ini akan melibatkan pemilihan domain dan indikator yang relevan dengan keadaan semasa, membolehkan aktiviti berkaitan alam sekitar disesuaikan mengikut kategori indeks yang berbeza. Secara tidak langsung, pembangunan indeks ini akan menjadi alat yang memudahkan untuk menganalisis pola atau corak literasi kelestarian alam sekitar dalam kalangan



belia Malaysia. Gambaran ini dapat disajikan dalam bentuk yang lebih teratur dan jelas, sekali gus membantu penggubalan dasar serta pelaksanaan program yang lebih efektif.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi mencapai tujuan kajian, terdapat empat persoalan kajian yang telah dibina iaitu:

- i. Apakah domain, indikator dan sub indikator literasi kelestarian alam sekitar dalam kalangan belia di Malaysia?
- ii. Berapakah nilai pemberat domain, indikator dan sub indikator literasi kelestarian alam sekitar dalam kalangan belia di Malaysia?
- iii. Berapakah nilai indeks literasi kelestarian alam sekitar dalam kalangan belia di Malaysia?
- iv. Bagaimanakah gred agregat indeks literasi kelestarian alam sekitar dalam kalangan belia di Malaysia ditentukan?

1.5 Matlamat dan Objektif Kajian

Matlamat utama kajian ini adalah bagi membina indeks literasi kelestarian alam sekitar belia di Malaysia. Bagi menjawab persoalan kajian, terdapat empat objektif kajian yang telah dibentuk iaitu:





- i. Mengenal pasti domain, indikator dan sub indikator literasi kelestarian alam sekitar dalam kalangan belia di Malaysia.
- ii. Menganalisis pemberat domain, indikator dan sub indikator literasi kelestarian alam sekitar dalam kalangan belia di Malaysia.
- iii. Membina indeks literasi kelestarian alam sekitar dalam kalangan belia di Malaysia.
- iv. Menggredkan agregat indeks literasi kelestarian alam sekitar dalam kalangan belia di Malaysia.

1.6 Kerangka Konseptual Kajian



Kerangka konseptual pembinaan indeks literasi kelestarian alam sekitar adalah berlandaskan Model Pembinaan Indeks Lazarsfeld (1958), Indeks Perkembangan Sosial Foa dan Tanner (2012) dan Indeks Reputasi Digital Seker dan Eryarsoy (2015) yang melibatkan empat langkah utama pembinaan indeks iaitu pemilihan domain dan indikator; pemberat domain dan indikator; kaedah statistik pembinaan indeks dan penilaian; dan diagnosis indeks.

Dalam kajian ini pemilihan domain indeks literasi kelestarian alam sekitar adalah melibatkan lima domain iaitu pengetahuan kelestarian alam sekitar, sikap kelestarian alam sekitar, kemahiran kelestarian alam sekitar, amalan kelestarian alam sekitar dan nilai kelestarian alam sekitar. Pengetahuan, nilai dan sikap dipilih daripada lapan indikator Model Literasi Alam Sekitar Hungerford dan Tomera (1985) manakala domain kemahiran dan amalan dipilih berdasarkan konstruk dalam Model Literasi





Alam Sekitar Hsu dan Roth (1999) dan Marcinkowski dan Rehring (1995). Kelima domain ini juga turut menyentuh secara tidak langsung dalam Model Tingkah Laku Warganegara Alam Sekitar Hungerford dan Volk (1990) serta dalam Model Celik Alam Sekitar Haryati (2009) dan Moseley (2000).

Pemilihan domain pengetahuan dan amalan kelestarian alam sekitar adalah merangkumi empat sub indikator utama iaitu atmosfera (udara), hidrosfera (air), litosfera (bentuk muka bumi) dan biosfera (hidupan) (Holden, 2011). Sikap kelestarian alam sekitar pula diukur melalui tiga indikator iaitu kognitif, afektif dan psikomotor seperti yang dicadangkan oleh Alreck dan Settle (1985), Burn (2000), Hanifah (2014) dan Ma'arof (2001). Kemahiran kelestarian alam sekitar pula merangkumi tiga indikator iaitu 3R (Reduce, Reuse, Recycle), kreativiti dan pembelian barangan hijau yang diubahsuai daripada indikator kesedaran alam sekitar Hanifah et al. (2022). Seterusnya, nilai kelestarian alam sekitar diukur melalui tiga indikator iaitu antroposentrik, ekosentrik dan egosentrik seperti yang dinyatakan oleh Kempton et al. (1995) serta Zurina dan Hukil (2007) menegaskan nilai dapat diukur melalui ketiga-tiga elemen ini.

Dalam kerangka ini dijangka terdapat tiga faktor latar belakang yang diberi perhatian iaitu faktor zon, lokasi, jantina dan kategori umur yang dijangka mempengaruhi indeks literasi kelestarian alam sekitar dalam kalangan belia di Malaysia. Pengukuran maklumat latar belakang dalam literasi alam sekitar adalah berdasarkan cadangan Champeau (1997), McBetch et al. (2008) dan Wright (2008) yang menyatakan bahawa maklumat latar belakang turut memberi hubungan dalam






perkembangan literasi alam sekitar seseorang individu. Secara ringkasnya kerangka konseptual kajian adalah digambarkan seperti Rajah 1.1.



Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian



1.7 Kepentingan Kajian

Isu pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar menjadi agenda utama di peringkat kerajaan mahupun swasta di bawah satu terma iaitu kelestarian alam sekitar. Oleh itu, kepentingan kajian ini secara signifikan adalah penyumbang dalam konteks berikut:

i. Bidang Alam Sekitar

Pembinaan indeks literasi kelestarian alam sekitar adalah penting sebagai penanda aras bagi mengukur tahap indeks literasi kelestarian alam sekitar belia di Malaysia dan berfungsi untuk menentu dan meletakkan kedudukan literasi alam sekitar dalam kalangan kelompok masyarakat di negara ini pada sesuatu tahap tertentu. Indeks literasi kelestarian alam sekitar ini akan memberikan satu gambaran keadaan literasi alam sekitar berdasarkan parameter-parameter terpilih bersangkut dengan kesedaran alam sekitar. Indeks yang dibina ini juga merupakan satu pemudah (*simplification*) yang akan memberikan gambaran tentang pola atau corak kesedaran yang diamalkan oleh masyarakat di negara ini khasnya golongan belia serta perbezaan pada masa lalu dan pada masa kini. Melalui pembinaan indeks ini juga, pelan tindakan boleh diambil pihak-pihak berwajib seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kementerian Belia dan Sukan serta badan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia bagi menangani isu-isu alam sekitar melalui aktiviti dan program yang berkaitan.

ii. Bidang Pendidikan

Kajian ini membantu dalam pembinaan kurikulum sekolah rendah dan menengah serta kurikulum pengajian tinggi pada masa akan datang bagi mata pelajaran

Geografi dan Sains dalam pelaksanaan Pendidikan Alam Sekitar yang merentas kurikulum dengan menekankan elemen-elemen literasi kelestarian alam sekitar seperti pengetahuan, sikap, kemahiran, nilai dan amalan dalam silibus pengajaran dan pembelajaran (PdP). Jika dirujuk DSKP Geografi Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 lebih memberi fokus isu alam sekitar. Elemen kelestarian alam sekitar tidak disentuh dengan lebih mendalam.

iii. Polisi dan Dasar

Indeks yang terhasil juga dapat membantu dalam penyediaan input bagi pembentukan atau menggubal polisi dan dasar sedia ada di Malaysia seperti Dasar Alam Sekitar Negara dan Dasar Pembangunan Belia Negara. Dasar kerajaan boleh digubal berdasarkan dapatan terkini kajian. Kepentingan indeks dalam dasar polis dan alam sekitar serta pembangunan belia di Malaysia terletak pada keupayaannya untuk memberikan input berdasarkan penyelidikan semasa, mengukur dan menilai kesan pelaksanaan dasar dan program, mengurus sumber dengan cekap, dan menyediakan rangka kerja pemantauan yang sistematik untuk berterusan serta penambahbaikan. Melalui pemantauan indeks, kerajaan boleh membuat keputusan, melaksanakan program yang berkesan, dan mencapai matlamat pembangunan lestari dalam jangka panjang.

iv. Metodologi

Metodologi utama kajian adalah menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik adalah alat pengukuran yang efektif dan serbaguna untuk mengumpul data dari responden bagi mendapatkan maklum balas secara sistematik dan dalam kuantiti yang besar, serta memberikan data yang boleh

diukur dan dianalisis secara statistik. Melalui instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini, secara langsung item-item tersebut memberi ruang kepada masyarakat umum mengetahui mengenai literasi kelestarian alam sekitar dan dalam masa yang sama meningkatkan pengetahuan, sikap, kemahiran, nilai dan amalan terhadap penjagaan alam sekitar. Malahan, item-item dalam soal selidik secara tidak langsung memberi input dan pengetahuan baru kepada responden. Kaedah ini memberi ruang untuk menyebarkan maklumat yang baik agar kesedaran alam sekitar wujud secara tidak langsung.

1.8 Batasan Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, terdapat empat aspek yang menjadi batasan kajian:

i. Lokasi kajian

Lokasi kajian adalah meliputi seluruh kawasan di Malaysia dengan penetapan lokasi kajian adalah berdasarkan lima zon utama dan negeri yang terpilih iaitu Zon Utara (Perlis, Pulau Pinang, Perak), Zon Tengah (Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya), Zon Selatan (Negeri Sembilan, Melaka, Johor), Zon Pantai Timur (Pahang, Kelantan, Terengganu) dan Zon Malaysia Timur (Sarawak, Sabah).

ii. Populasi dan sampel kajian

Kajian ini hanya melibatkan kelompok belia warganegara Malaysia yang berumur antara 20 tahun hingga 39 tahun. Kelompok umur ini dipilih kerana pada fasa ini, belia lebih matang untuk membuat keputusan sendiri berbanding belia



berumur antara 15 hingga 19 tahun. Walaupun pada tahun 2019 terdapat pindaan Rang Undang-Undang Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Akta 688) yang menghadkan umur belia dari 40 ke 30 tahun namun sebahagian besar belia berumur 30 tahun ke atas masih aktif dalam program pembangunan belia. Maka kelompok belia berusia 39 tahun kebawah turut diambil kira sebagai responden dalam kajian ini.

iii. Pemboleh ubah kajian

Pemboleh ubah literasi kelestarian alam sekitar berdasarkan kajian terdahulu melibatkan pemboleh pengetahuan, sikap, kemahiran, tingkah laku, nilai, masalah alam sekitar, maklumat demografi, kepercayaan, afektif, tindakan politik, kompetensi dan kualiti karakter. Namun kajian ini hanya melibatkan lima domain utama kajian bagi literasi kelestarian alam sekitar iaitu pengetahuan kelestarian alam sekitar, sikap kelestarian alam sekitar, kemahiran kelestarian alam sekitar, amalan kelestarian alam sekitar dan nilai kelestarian alam sekitar. Domain ini dipilih kerana merupakan elemen psikometrik utama bagi mengukur literasi.

iv. Metodologi

Kajian ini hanya menggunakan reka bentuk pendekatan kuantitatif yang melibatkan pengumpulan data kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik bagi mengukur indeks literasi kelestarian alam sekitar. Data kualitatif tidak digunakan memandangkan pembinaan indeks ini lebih melibatkan numerasi dan pengiraan.



1.9 Pendefinisian Konseptual

Pendefinisian konseptual yang digunakan dalam kajian adalah terdiri daripada tiga definisi konseptual iaitu indeks, literasi kelestarian alam sekitar dan belia. Konsep-konsep ini akan dijelaskan berdasarkan pandangan pengkaji lepas dan apakah konseptual yang digunakan dalam kajian ini.

1.9.1 Indeks

Indeks adalah merupakan salah satu pendekatan dalam mengukur sesuatu tingkah laku dan banyak digunakan dalam bidang ekonomi dan sosial. Definisi indeks adalah suatu panduan, senarai atau tanda, atau nombor yang digunakan untuk mengukur perubahan (Becky, 2002). Selain itu, indeks digunakan dalam mengkategorikan atau menyenaraikan, atau untuk membuat penyesuaian secara automatik berdasarkan perubahan statistik tertentu. Secara ringkasnya indeks adalah merupakan penentu aras atau indikator yang digunakan untuk menganalisis perbandingan untuk sesuatu perkara (Sonia Kumari & Doris Padmini, 2011). Pada kebiasaannya indeks digunakan dalam kajian kuantitatif seperti mengukur perubahan harga saham (indeks saham) dan mengukur perubahan harga barang (indeks harga pengguna) (Isa & Ahmad, 2015).

Dalam konteks kajian ini, indeks didefinisikan sebagai penanda aras bagi mengukur tahap literasi kelestarian alam sekitar yang merangkumi tahap sangat tidak memuaskan, tidak memuaskan, kurang memuaskan, sederhana, memuaskan dan sangat



memuaskan. Penjelasan pengiraan indeks akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam bahagian metodologi.

1.9.2 Literasi Kelestarian Alam Sekitar

Literasi secara amnya merupakan keupayaan mengenal pasti, memahami, mentafsir, mencipta, menyampaikan, mengira dan menggunakan bahan cetak dan bertulis yang berkenaan dengan pelbagai konteks (UNESCO, 2006). Selain itu, literasi juga didefinisikan sebagai kemahiran atau kebolehan yang berkaitan dengan kemampuan minimum untuk menulis, membaca dan mengeja serta menulis dalam sesuatu bahasa (National Institute for Literacy, 2008). Literasi membolehkan seseorang memahami dan meluahkan pandangan dalam masyarakat yang celik huruf (Cambridge Assessment, 2013). Amalan literasi juga adalah merupakan suatu gambaran membaca dan menulis sebagai amalan sosial yang melibatkan penggunaan teks, cetusan idea dan peningkatan kemahiran yang perlu dipelajari oleh individu dan dipindahkan kepada satu konteks yang lain (Barton, 2007).

Manakala literasi alam sekitar merujuk kepada panduan multidimensi yang merangkumi aspek kognitif (pengetahuan dan kemahiran), aspek tanggungjawab afektif dan tingkah laku terhadap persekitaran alam semula jadi. Ia adalah ukuran yang menunjukkan keupayaan individu untuk mengenal pasti, memahami dan mentafsir tahap kesejahteraan semua ekosistem, termasuk persekitaran semula jadi, dan menggunakan maklumat ini untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk





mengekalkan sistem tersebut (Kaya & Elster, 2019; Morrone et al., 2001; Moseley, 2000).

Bagi tujuan kajian ini literasi kelestarian alam sekitar adalah merujuk kepada satu ciri pengukuran yang menerangkan kebolehan individu untuk mengenalpasti, memahami dan menginterpretasi tahap kesejahteraan semua ekosistem termasuklah alam sekitar dan menggunakan maklumat tersebut untuk mengambil tindakan yang bersesuaian untuk mengekalkan sistem tersebut. Oleh itu, dalam kajian ini literasi alam sekitar akan diukur melalui lima domain iaitu pengetahuan, kemahiran, sikap, nilai dan amalan individu sama ada secara individu atau kolektif terhadap alam sekitar.



Golongan belia merupakan mereka yang berada pada tahap umur peralihan antara kanak-kanak dan golongan dewasa (Gill, 2003). Takrifan umur bagi belia adalah berbeza mengikut negara. Sebagaimana di Malaysia, golongan belia di negara ini pada tahun 2006 hingga 2011 merupakan mereka yang terdiri daripada umur 18 hingga 40 tahun seperti dalam Dasar Pembangunan Belia Negara 1997 (Kementerian Belia dan Sukan, 1997). Namun, Dasar Belia Malaysia 2015 mula menukar kategori umur belia ini kepada mereka yang berumur 15 hingga 30 tahun Kementerian Belia dan Sukan, 2015). UNICEF (2020) pula menyatakan ciri-ciri golongan muda ini bersikap heterogen. Kebiasaanya perkara yang paling umum dan mempunyai persamaan dalam kalangan mereka hanyalah dilihat dari segi umur. Jika dibandingkan dengan negara luar seperti Pakistan takrifan golongan belia ini merupakan mereka yang berumur di antara





15 hingga 29 tahun (United Nations Development Programme, 2018). Ini menunjukkan setiap negara mempunyai takrifan yang berbeza dalam mengkategorikan umur golongan belia.

Justeru, dalam kajian ini kategori umur belia dipilih adalah berada pada lingkungan belia di Malaysia yang berumur 15 tahun hingga 40 tahun seperti mana yang disarankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2020) dan terdapat empat kategori belia iaitu belia awal, belia pertengahan, belia akhir dan belia dewasa. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini kategori belia yang diambil sebagai sampel adalah hanya terdiri daripada belia pertengahan, belia akhir dan belia dewasa yang mempunyai kematangan berfikir dan membuat keputusan berbanding belia awal (Erikson, 1963). Selain itu, hanya penduduk warganegara Malaysia sahaja yang akan terlibat dalam membentuk indeks literasi kelestarian alam sekitar belia Malaysia ini.

1.10 Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan indeks literasi alam sekitar dalam kalangan belia Malaysia. Dalam ruang perdebatan, usaha dan langkah-langkah untuk meningkatkan kelestarian melalui pelbagai kaedah dibincangkan secara umum dalam pernyataan masalah. Bahkan, kepentingan indeks juga diterangkan dalam latar belakang kajian. Dapatan kajian ini memungkinkan untuk semua isu yang diteliti dan usaha penambahbaikan dilaksanakan dalam semua sistem akademik, sama ada melalui aktiviti formal atau tidak formal di sekolah, institusi pengajian tinggi, serta pertubuhan-pertubuhan belia. Ini bertujuan untuk membentuk individu yang memiliki literasi alam





sekitar yang tinggi, yang mempunyai pemahaman mendalam tentang isu-isu alam sekitar dan sanggup mengambil tindakan yang berkesan untuk menjaga dan memelihara alam sekitar bagi kelestarian masa depan. Oleh itu, kajian ini menyediakan asas yang kukuh untuk pembangunan indeks literasi alam sekitar dalam kalangan belia Malaysia. Usaha untuk meningkatkan kelestarian alam sekitar melalui pendidikan dan kesedaran di semua peringkat pendidikan dan pertubuhan belia menjadi semakin penting. Melalui usaha ini diharapkan dapat melahirkan generasi muda yang lebih peka dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar, serta bersedia mengorak langkah konkrit untuk memelihara alam semula jadi demi kesejahteraan masa hadapan.





BAB 2

KAJIAN LITERATUR



Kajian literatur dalam sub bab ini dibahagikan kepada lapan bahagian utama. Pertama, bab ini akan membincangkan mengenai kajian literatur berkenaan dengan pembangunan lestari secara umum dan pembangunan lestari di Malaysia. Kedua, bab ini akan membincangkan mengenai konsep belia dalam pembangunan lestari. Ketiga, bab ini juga akan mengupas mengenai domain dan indikator literasi kelestarian alam sekitar, penilaian dan pembinaan indeks psikometrik, pembinaan indeks kelestarian alam sekitar dan latar belakang dalam literasi kelestarian alam sekitar. Akhir sekali bab ini juga turut membincangkan mengenai model dan teori yang menyokong pembinaan kerangka konseptual kajian yang meliputi beberapa model dan teori berkaitan alam sekitar dan pengukuran psikometrik.

